

<b>Headline</b>	<b>Graduan perlu dilatih kaedah memasarkan diri</b>		
<b>Date</b>	<b>28. Mar 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Page No</b>	<b>35</b>
<b>Section</b>	<b>Pendidikan</b>	<b>Article Size</b>	<b>161 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>217920</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>2083000</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



## Graduan perlu dilatih kaedah memasarkan diri

**P**ELAKSANAAN pelbagai tindakan strategik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan di pasaran pekerjaan perlu diberi perhatian dan keutamaan universiti ketika ini.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Dr Nayan Ariffin, berkata strategi pemasaran graduan bukan saja berdasarkan keupayaan program akademik dan pelaksanaan aktiviti pengukuhan kemahiran pelajar, malah banyak beragam cara pelajar memasarkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Justeru, katanya, pelajar mesti dilatih kaedah memasarkan diri supaya dapat bersaing dalam pelbagai bidang kerjaya termasuk menguasai kemahiran yang boleh menarik minat majikan.

"Dulu, persoalan mengenai kebolehpasaran graduan bukan satu tanggungjawab penting kepada universiti, tetapi kini lanskap universiti sudah berubah dan keupayaan graduan di pasaran pekerjaan menjadi agenda nasional yang perlu diberi keutamaan.

"Revolusi baru universiti perlu lebih terbuka dan menerima tanggungjawab ini dengan mengambil tindakan strategik untuk meningkatkan pemasaran graduan.

"Ciri pelajar berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif tinggi, menguasai pelbagai bahasa, keupayaan komunikasi berkesan, celik teknologi

dan menghayati nilai murni perlu ditonjolkan kepada organisasi luar dan masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Kerjaya UPM 2008 (UPMCC '08) di Serdang, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merangkap Penaung Jawatankuasa UPMCC '08, Prof Dr Azali Mohamed.

Nayan turut menasihatkan pelajar UPM supaya mengambil iktibar dan pedoman daripada tokoh berjaya dan ternama terutama alumni UPM yang sudah berjaya dalam pelbagai bidang.

"Untuk menjadi orang berjaya, kita perlu mengambil tahu rahsia kejayaan insan yang sudah bergelar tokoh dalam pelbagai bidang dan UPM sendiri mempunyai alumni yang cemerlang.

"Kejayaan mereka ini diabadikan dalam buku *75 Jewels of UPM*, justeru, pelajar harus mendapatkan buku ini sebagai sumber inspirasi untuk meningkatkan semangat membina kehidupan berkualiti dan cemerlang.

"Dengan mengetahui bagaimana mereka memulakan kerjaya, cabaran dihadapi dan strategi dibentuk untuk membina empayar kehidupan cemerlang pasti akan menjadikan pelajar lebih bersedia, matang dan memahami hala tuju masing-masing," katanya